

Siap siaga kurangkan risiko kerosakan berganda akibat banjir

- Semua agensi kerajaan bertanggungjawab dalam pengurusan bencana disaran menitikberatkan koordinasi bantuan dan operasi menyelamatkan mangsa banjir dilaksana dengan berkesan dan cepat

- Masyarakat harus memperkasa diri dengan mewujudkan komuniti berdaya tahan terhadap bencana dan bukan hanya bergantung kepada agensi penyelamat semata-mata

Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Musim Monsun Timur Laut dan fenomena La Nina dijangka berterusan sehingga awal 2023, sekali gus menuntut rakyat sentiasa bersiap siaga untuk menghadapi kemungkinan bencana banjir. Hujan lebat pada musim ini berpotensi mengakibatkan banjir, terutama di kawasan rendah dan berhampiran sungai.

Risiko bencana lebih buruk jika hujan lebat serentak dengan kejadian air pasang besar dan luruan ribut. Lan-taran, hujung tahun ini antara tempoh genting perlu diambil perhatian penuh dan langkah berjaga-jaga semua pihak

seperti kata pepatah 'sediakan payung sebelum hujan'.

Hakikatnya, bencana banjir antara perkara lumrah bagi penduduk di Pantai Timur seperti Terengganu, Kelantan dan Pahang. Namun, kita perlu belajar daripada apa yang berlaku sebelum ini termasuk kejadian banjir terburuk di Selangor akhir 2021, dengan membuat persediaan awal rapi dan bersepadu.

Melalui persediaan awal kita dapat membantu membendung atau mengurangkan jumlah kerugian jika terperangkap dalam bencana seperti banjir. Justeru, orang awam disaran mengikut arahan agensi mengurus bencana negara ketika banjir dan peka terhadap sebarang perubahan cuaca.

Penggunaan teknologi seperti satelit Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) boleh membantu mengenal pasti lokaliti yang cenderung dilanda banjir bagi membantu agensi berkaitan membuat persediaan awal berdepan 'bencana tidak berbau'.

Setiap negeri juga patut mengeluarkan senarai kawasan atau lokasi panas banjir sebagai langkah berjaga-jaga kepada penduduk di kawa-

san berisiko bagi menghadapi kemungkinan berlaku fenomena berkenaan.

Apa yang penting, semua agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pengurusan bencana disaran menitikberatkan koordinasi bantuan dan operasi menyelamatkan mangsa banjir bagi memastikan ia dilaksanakan dengan berkesan, tepat dan cepat.

Persiapan juga seharusnya tidak hanya tertumpu kepada sumber manusia, sebaliknya meliputi peralatan penyelamat, kemudahan pusat penempatan sementara dan pos pangkalan hadapan.

Dalam aspek pengurusan bantuan kebajikan, sudah sampai masa syarikat korporat dan swasta meningkatkan peranan mereka, terutama memperuntukkan dana khas bagi membantu semua agensi awam serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menangani bencana banjir.

Program latihan persediaan menghadapi bencana juga patut dilaksanakan bagi membantu penduduk di kawasan berisiko tinggi untuk melakukan persiapan lebih sistematik menghadapi banjir. Usaha seperti ini perlu disebarluaskan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) entiti perniagaan.

Persiapan awal menghadapi banjir yang tidak boleh diabaikan antara lain adalah membersihkan longkang dan laluan air supaya air dapat mengalir dengan lancar ketika hujan lebat berpanjangan.

Wujud komuniti berdaya tahan

Selain itu, setiap warga dan komuniti tidak boleh alpa untuk mendapatkan maklumat terkini rasmi keadaan banjir daripada media elektronik dan media sosial agensi awam, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan pihak berkaitan.

Setelah berdepan berpuluh kali banjir, rakyat Malaysia seharusnya memperkasa diri dalam mewujudkan komuniti berdaya tahan terhadap bencana dan bukan hanya bergantung kepada agensi penyelamat semata-mata atau bertindak

pada saat akhir untuk menghindari bencana.

Masyarakat perlu secara proaktif memperkaya pengetahuan diterjemah kepada sikap dan amalan betul ketika menghadapi bencana banjir. Paling utama penduduk di kawasan berisiko harus peka dengan bunyi siren amaran awal banjir. Siren pertama berbunyi apabila aras air berada di paras berjaga-jaga, manakala siren kedua berbunyi apabila aras air pada peringkat bahaya.

Persiapan mental, fizikal

Mereka juga perlu prihatin dan peka lokasi pusat pemindahan sementara (PPS), pusat bantuan bencana serta pusat kawalan operasi banjir. Setiap individu ditekankan membuat persiapan mental dan fizikal bagi menghadapi banjir kerana ia pasti menyebabkan kerugian wang ringgit akibat kerosakan kediaman serta harta.

Banjir luar biasa pada Disember 2021 memberi impak ketara dengan Jabatan Perangkaan menyatakan kerugian akibat kerosakan tempat kediaman adalah RM1.2 bilion hingga RM1.4 bilion, manakala premis perniagaan RM500 juta hingga RM600 juta.

Kerugian akibat kerosakan kenderaan pula RM1 bilion hingga RM1.3 bilion, pertanian RM40.9 juta hingga RM49.9 juta, pembuatan RM800 juta hingga RM1 bilion serta aset awam dan infrastruktur RM2 bilion.

Justeru, kita tidak mahu insiden banjir besar seperti berlaku di Lembah Klang akhir 2021 lalu berulang dan akhirnya kerajaan pula dipersalahkan apabila didakwa lewat memberi bantuan.

Justeru, pemahaman terhadap risiko bencana serta pengukuhan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir sangat penting. Badan bertanggungjawab wajib mengutamakan pencegahan banjir dan tidak hanya mula menggerakkan tenaga kerja selepas bencana berlaku.

Natijahnya, kelemahan pengurusan bencana terdahulu perlu dijadikan iktibar dan diperbetulkan. Permainan tuding-menuding mencari salah siapa ketika mangsa banjir terkapai-kapai menghadapi kesan banjir harus dihentikan.



Ketua Laboratori, Institut Pengajian Sains Sosial/Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

